

4AR

Mahathir - Perpaduan

KUALA LUMPUR, 27 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, dasar-dasar dan prinsip-prinsip yang dilaksanakan di negara ini terbukti lebih berjaya mengatasi masalah masyarakat majmuk dan keadaan tidak seimbang yang berlaku di Malaysia.

Beliau berkata, orang asing mungkin mendakwa bahawa mereka tahu masalah di negara ini dan cara-cara untuk mengatasinya, sedangkan sebenarnya, mereka tidak tahu, kerana masalah di negara mereka sendiri pun mereka tidak dapat selesaikan.

+Kita lebih arif akan masalah kita, + katanya ketika merasmikan mesyuarat Panel Penasihat Perpaduan Negara di Carcosa Seri Negara, di sini hari ini.

Beliau meminta rakyat negara ini supaya tidak terpengaruh dengan dakwaan orang asing bahawa apa yang dilakukan oleh kita akan menggagalkan kita.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, apa yang penting dijamin oleh semua pihak ialah kurangkan tekanan emosi dan hendaklah bersifat sederhana dan berpandu kepada akal fikiran dalam menyelesaikan sesuatu masalah. -- lagi

♥27/05/12-41MST

CNSR984

II GR 27-05 00132 RA028

4AR

Mahathir - Perpaduan 2 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, perpaduan merupakan satu proses yang memakan masa.

Katanya, setelah satu generasi berlalu, keadaan di negara ini sudah berubah apabila hubungan antara kaum di negara ini lebih rapat antara satu sama lain.

Tetapi keadaan seperti ini tidak dapat ditemui di negara lain, malahan di sesetengah negara keadaannya jauh lebih huruk, walaupun mereka sudah menetapkan hanya orang yang sebangsa dengan mereka sahaja boleh mendiami negara mereka, katanya.

Beliau berkata, dalam usaha menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020, perpaduan merupakan prasyarat utama.

+Tanpa perpaduan dan keharmonian antara kaum, kita tidak akan dapat memujuk persekitaran politik, sosial dan ekonomi yang mampu membawa negara ini ke tahap yang lebih maju, + katanya. -- lagi

♥27/05/12-10MST

CNSR990

II GR 27-05 00135 RA030

4AR

Mahathir - Perpaduan 3 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, perpaduan yang ingin dipupuk di negara ini ialah satu keadaan rakyat berbilang keturunan dan agama mempunyai satu perasaan kekitaan dan mempunyai identiti sebagai warganegara dan bangsa Malaysia.

Perpaduan yang sedang diusahakan juga bertujuan mewujudkan sebuah masyarakat yang dapat hidup makmur dalam suasana yang aman, saling memahami dan menghormati antara satu sama lain demi kepentingan bersama, katanya.

Beliau berkata, bangsa yang bersatu padu yang ingin dihentuk itu juga harus berlandaskan kepada semangat kesetiaan, ketaatan dan patriotisme yang tinggi, yang tidak berbelah-bahagi kepada negara.

Katanya, pembentukan bangsa Malaysia yang bersatu padu merangkumi banyak perkara lain seperti menegakkan sistem politik demokratik yang matang yang dapat memelihara hak dan kepentingan individu dan mengimbangi dengan hak dan kepentingan masyarakat.

♥27/05/12-21MST

CNS0011

II GR 27-05 00143 RA037

ADR

Mahathir - Perpaduan 4 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan akan terus meningkatkan usaha untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang lebih homogenous daripada segi taraf sosio-ekonomi antara kaum dan wilayah.

Beliau juga berkata bahawa perpaduan rakyat tidak bermakna kebudayaan, agama dan bahasa kaum-kaum dan suku kaum akan dihapuskan +tetapi yang penting kita memiliki satu bahasa kebangsaan dan satu budaya yang istimewa bagi bangsa dan negara Malaysia.

Mengenai Panel Penasihat Perpaduan Negara, yang mengadakan mesyuarat pertamanya hari ini, Perdana Menteri berkata, ia dihentikan untuk memberi nasihat dan saranan dalam usaha mencari jalan dan ikhtiar bagi meningkatkan lagi perpaduan di kalangan rakyat.

Panel itu dipengerusikan oleh Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datuk Napsiah Omar.

Pada majlis itu, Perdana Menteri juga telah menyampaikan sjiil perlantikan kepada 33 orang anggota panel tersebut. -- Bernama

♥27/05/14-36MST